

## PROGRAM PEMULIHAN IDEOLOGI EKSTREMISME ISLAM : ANALISIS KRITIKAL

Oleh:

Mohd Imran Abdul Razak,  
Rahimin Affandi Abdul Rahim,  
Mohd Anuar Ramli,  
Siti Maimunah Hj. Kahal, &  
Rabiatul Adawiyah Binti Mohamed Ratha.

Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya,  
Lembah Pantai 50603, Kuala Lumpur.  
Telefon : 03-79676080/ 012-3192177.  
Email : [faqir\\_ila\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ila_rabbih@um.edu.my)

### Abstrak

Ancaman ideologi ekstrem yang sering dikaitkan dengan ajaran Islam merupakan sesuatu yang nyata melanda umat Islam pada hari ini. Hal ini telah menyebabkan Islam sebagai sebuah ajaran keamanan telah disalah ertikan sebagai punca kepada kekerasan dan keganasan. Kemunculan gerakan-gerakan ekstremisme dan terrorisme yang terdiri daripada minoriti kecil umat Islam seperti gerakan al-Qaeda, Jemaah Islamiyyah, Abu Syyaf dan yang terkini Daesh telah menyebabkan generalisasi dilakukan terhadap keseluruhan umat Islam sehingga mendorong kepada kemunculan gejala Islamofobia. Oleh itu, negara-negara yang menghadapi ancaman eksremisme ini perlu mengambil langkah proaktif bagi membendung ancaman ini daripada berterusan, melalui program counter-terrorism dan pemulihan ideologi ekstrem. Namun begitu, kewujudan pelbagai model pencegahan dan pemulihan ekstremisme yang sedia ada telah menimbulkan tanda tanya berkenaan tahap keberkesanan setiap model berkenaan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis model-model program pemulihan yang sedia ada bagi mengenalpasti model yang berkesan serta aspek-aspek yang perlu diberikan penekanan dalam melakukan program pemulihan ideologi ekstremisme Islam.

Kata Kunci: Ekstremisme Islam, *Counter-terrorism*, program pemulihan, deradikalisasi.

### Pengenalan

Pada Jun 23, 2016, suatu video yang bertajuk *Thogut*, seorang ahli Daesh berasal dari Malaysia yang dikenali sebagai Mohd Rafi telah memberi kenyataan yang sangat mengemparkan. Ia ditujukan khas kepada masyarakat Islam di Malaysia, iaitu; “*bunuh mereka di mana sahaja yang anda jumpa. Jika anda ada kereta, langgarlah mereka. Gunakan senjata dan pisau untuk tikam terus dada mereka*”. Ia juga memberi amaran kepada polis Malaysia; *kepada anda yang ada di Bukit Aman, anda tidak lagi aman. Kami bersedia untuk sembelih anda. Apabila kami*

*datang, rakan-rakan kami di negara ini juga akan memburu anda habis habisan”*.<sup>1</sup> Kenyataan ahli Daesh ini menunjukkan secara jelas keberanian dan kebiadaban golongan ekstremis di Malaysia. Untuk itu, kajian ini akan menumpukan perhatian kepada isu pemulihan ideologi ekstremism yang dikaitkan dengan Islam. Untuk itu, kajian ini akan dipecahkan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama akan mendedahkan program pemulihan ideologi yang dipakai di tiga buah negara iaitu Arab Saudi, Singapura dan Malaysia. Di bahagian kedua, kita akan menganalisa secara kritikal faktor sebenar ideologi ekstrem ini timbul.

### **Ancaman Terorisme Islam**

Dewasa ini, masyarakat Islam telah ditimpa dengan pelbagai masalah besar. Antaranya adalah masalah kemiskinan dan kemunduran yang menyebabkan terpaksa bergantung dengan negara Barat. Namun begitu, masalah terbesar adalah isu ekstremism Islam yang telah mencacatkan citra Islam di mata dunia.

Selepas peristiwa 9/11 2001 kita dapat menyaksikan pelbagai kesan sampingan (*Chain Of Reaction*) akibat daripada keganasan yang berlaku. Setiap kali aksi keganasan dilakukan oleh ekstremis Islam, seperti pengeboman Bali, Kenya, Tanzania, Madrid dan London, ianya akan diikuti dengan tindak balas daripada pihak kuasa Barat. Contohnya, di Indonesia selepas pengeboman Bali telah mencetuskan lagi beberapa siri pengeboman di banyak tempat di Indonesia.<sup>2</sup> Sepanjang tahun 2000-2005 memang berlaku banyak pengeboman lain seperti Bom Hotel J.W. Marriot tahun 2003, Bom Kedutaan Besar Australia tahun 2004 serta Bom Bali II tahun 2005.

Secara umumnya, masyarakat Asia Tenggara seolah-olah menyangka bahawa selepas tragedi pengeboman Bali 2002, pengaruh Jemaah Islamiyyah – al-Qaeda telahpun mati. Ini berlaku kerana kebanyakan tokoh-tokoh penting dalam Jemaah Islamiyyah samada telah mati, ditangkap atau mendingkan diri. Namun begitu, ternyata ancaman keganasan tersebut masih belum terhapus sepenuhnya, sebaliknya muncul semula dalam bentuk yang baru. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Bilveer Singh,<sup>3</sup>

*By 2011, however, JI appeared to have been severely degraded with its key military and ideological leaders either dead or detained; some broke away to form splinter groups. Among those killed or executed included operatives such as Azahari Husin (2005), Imam Samudra (2008), Nordin M Top (2009), and Dulmatin (2010). Leaders under detention include Abu Bakar Bashyir, Hambali, and Abu Dujana. The organisation’s structure and networks were also believed to have been severely disrupted. Globally, Abu Bakr al-Baghdadi’s IS has superseded AQ as the leading global jihadi movement and key security threat. The killing of Osama bin Laden in 2011, and expansion of IS in Iraq and Syria culminating in the declaration of a caliphate’ in June 2014, have eroded AQ’s position as the base’ of jihad. In Southeast Asia, especially in Indonesia, Malaysia, and Singapore, counter-terrorism measures are believed to have*

---

<sup>1</sup> Ahmad Sauffiyan Abu Hassan (2016), Daesh: Kebangkitan Dan Pengaruh Media Sosial, *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication*, Jilid 32 (2), h. 381-404

<sup>2</sup> Azyumardi Azra (2003), Bali And Southeast Asian Islam: Debunking The Myths, dalam *After Bali: The Threat of Terrorism in Southeast Asia*, ed. by Kumar Ramakrishna and Seng Seng Tan Singapore: Institute of Defence and Strategic Studies, Nanyang Technological University and World Scientific Publishing Company, h. 52.

<sup>3</sup> Bilveer Singh (2017), The Revival Of Al Qaeda’s Affiliate In Southeast Asia: The Jemaah Islamiyah, *A Journal Of The International Centre For Political Violence And Terrorism Research*, Volume 9, Issue 5, h.5-7.

*crippled JI and rendered it ineffective. In Indonesia alone, more than 110 JI members have been killed and 1,200 imprisoned.*

Maknanya, masyarakat Asia Tenggara seolah-olah menyangka pengaruh pengaruh Jemaah Islamiyyah telah pun mati sepenuhnya. Dalam soal ini, Bilveer Singh memberi amaran bahawa dakwaan ini kurang tepat. Ini kerana hasil temubual dengan Abu Rushdan yang terkini yang mendedahkan bahawa Jemaah Islamiyyah telah beroleh keuntungan dengan perkembangan pesat ISIL. Ia menjelaskan beberapa perubahan taktik gerakan dan keuntungan yang diperolehi Jemaah Islamiyyah.

Paparan yang diberikan ini amat menakutkan. Ia memerlukan pihak berkuasa di Asia Tenggara menyediakan plan bertindak yang sepatutnya. Antaranya adalah dengan menyediakan pelan pemulihan yang sebaiknya.

### **Program Pemulihan Ekstremism**

Program pemulihan ekstremisme yang terkenal dan diakui keberkesannya pada zaman moden adalah program di Arab Saudi,<sup>4</sup> Singapura dan Malaysia.<sup>5</sup> Ia dalam dua bentuk utama; Pertama, *De-Radikalisme*; merujuk kepada proses memisahkan seseorang samada secara sukarela atau paksaan daripada ideologi radikal. Manakala kedua, *Disanggaement*; proses memisahkan dan menjauhkan seseorang ekstremis daripada kumpulannya, walaupun tanpa mengubah ideologi ekstremnya.<sup>6</sup>

Pada dasarnya model *Counter-Terrorism* di tiga buah negara ini menerimapakai pendekatan *hard* (kuasa kekerasan) dan *soft* (kuasa pujukan) untuk menangani ancaman ekstremisme.

### **Bagaimana Modus Operandi Program Pemulihan Dijalankan**

Program pemulihan ini menuntut pihak bertanggungjawab untuk<sup>7</sup>:

1. Mengesan, mengintip dan membuat tangkapan.
2. Mengetahui butiran ajaran dan daripada mana seseorang itu mendapat ideologi ekstrem.
3. Menjalankan proses *counter-terrorism* (memulihkan) semasa dalam tahanan.
4. Sokongan kepada ahli keluarga ekstremis.
5. Membebaskan tetapi tetap berada dalam pemantauan.
6. Bantuan penggunaan internet sebagai bahan sokongan - untuk mendedahkan kelemahan ideologi dan kumpulan ekstremis.

Di akhir program, yang pastinya mengambil masa yang lama, beberapa perkara akan dilakukan;

1. Mangsa akan dibawa masuk semula ke dalam masyarakat biasa yang moderat - disokong dengan pelbagai sokongan sosial dan ekonomi.

<sup>4</sup> Leila Ezzarqui, M.A.(2010), *De-Radicalization And Rehabilitation Program: The Case Study Of Saudi Arabia*, Tesis Sarjana Untuk Faculty Of The Graduate School Of Arts And Sciences Of Georgetown University, h. 25-33.

<sup>5</sup> Resolusi dipersetujui dalam A New Approach?; Deradicalization Programs and Counterterrorism (2010), *Conference Countering Violent Extremism: Learning from Deradicalization Programs in Some Muslim-Majority States, March 16-17 2010, Amman, Jordan*.

<sup>6</sup> Ibid, h. 2-3.

<sup>7</sup> Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, Tesis Ph.D Untuk Victoria University Of Wellington.

2. Mangsa berkecenderungan menunjukkan kesalahan ideologi yang dipegangnya sebelum ini.
3. Bekas mangsa akan digunakan khidmat mereka untuk membantu program pemulihan lain.

### **Pendekatan Kerajaan Malaysia Menangani Isu Ekstremism Islam.**

Pada dasarnya, pendekatan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia menyamai pendekatan yang dijalankan oleh Arab Saudi<sup>8</sup> dan Singapura.<sup>9</sup> Apa yang berbeza hanyalah melalui nama agensi kerajaan yang berbeza. Di Malaysia, program ini akan dilakukan melalui peranan PDRM, KDN dan pihak JAKIM.<sup>10</sup> Antara bentuk pendekatan yang diambil ialah;

1. Pihak PDRM akan memainkan peranan menyiasat dan menangkap menggunakan akta SOSMA.
2. Pihak JAKIM, PDRM dan KDN memainkan peranan dalam proses pemulihan tahanan. Dalam proses ini, beberapa perkara akan dilakukan;
  - a. Kajian butiran ideologi ekstremism (Salafi Jihad).
  - b. Mengklasifikasikan ahli ekstremis samada ahli tegar ataupun ahli biasa.
  - c. Penyediaan jawapan kepada butiran ideologi ekstremis.
  - d. Melakukan dialog berhemah dan hikmah dengan tahanan.
  - e. Peranan KEMAS dan Pusat Zakat menjaga kebajikan ahli keluarga ekstremis.
3. Pemantauan ekstremis yang dibebaskan.

### **Garis Panduan Program Counter Teroris Serantau**

Terdapat sebuah badan NGO di Indonesia; Al-Hedayah yang melakukan kajian dan menyediakan garis panduan untuk program *counter-terrorism*. Ia mengandungi beberapa kaedah utama, iaitu;<sup>11</sup>

#### **1. Kajian Faktor Penarik Dan Mengkategorikan Sasaran**

Pihak kerajaan perlu melakukan kajian tentang apakah faktor penolak dan penarik yang menyebabkan seseorang terjebak menjadi ekstremis Islam. Ia turut diikuti dengan keperluan melakukan pengkategorian sasaran program untuk membasmi aktiviti ekstremisme, yang terdiri samada masyarakat awam, golongan berpengaruh, golongan yang bersimpati dengan kumpulan ekstremis, pembela ekstremis dan aktor ekstremis.

#### **2. Memahami Ajaran Ekstrem Secara Mendalam**

Pihak kerajaan perlu mengenalpasti ajaran ekstrem yang tersurat dan tersirat. Biasanya bentuk ajaran ekstrem di Asia Tenggara dapat dipecahkan kepada naratif agama, politik, sosial dan ekonomi.

Contoh naratif atau faktor agama ini terkandung dalam karya Abdullah Azzam. Antara lainnya, intipati buku Abdullah Azzam menetapkan;

<sup>8</sup> Christopher Boucek (2008), "Saudi Arabia's Soft Counter Terrorism Strategy," Carnegie Endowment for International Peace, Sep. 2008, Middle East Programme, Num. 97, <http://carnegieendowment.org/events/?fa=eventDetail&id=1184&prog=zgp&proj=zted>, retrieved on Apr. 5, 2009

<sup>9</sup> Kumar Ramakrishna (2009), "A Holistic Critique of Singapore's Counter-Ideological Program," Jan. (CTS Sentinel), <http://www.ctc.usma.edu/sentinel/CTCSentinel-Vol2Iss1.pdf>, retrieved on Mar. 27, 2009.

<sup>10</sup> Mohd Aslam Mizan (2016), De-Radicalization Programs In South-East Asia: A Comparative Study Of Rehabilitation Programs In Malaysia, Thailand, Indonesia & Singapore, *Journal Of Education And Social Sciences*, Vol. 4, (June).

<sup>11</sup> Sara Zeiger (2016), *Narratives And Counter-Narratives*, Hedayah, Sydney.

1. Agama adalah untuk mensahihkan hujah golongan ekstremism.
2. Kepentingan umat Islam mengukuhkan akidah dan kepercayaan agama.
3. Semua perkara daripada Barat merosakkan.
4. Dbolehkan menyerang balas tindakan jahat Barat pada Islam.

Semua bahan bacaan dan kandungan internet yang mempromosikan ekstremism Islam bergantung pada keempat perkara ini. Namun terdapat lagi dua naratif terpenting iaitu ;

1. Konsep Jihad Qital (bersenjata) sebagai Fardu Ain. Ia bagi mempertahankan umat Islam daripada diserang musuh.
2. Konsep takfir (mengistiharkan dengan mudah seseorang sebagai kafir) pada golongan yang tidak sehaluan dengan mereka.

Manakala bagi naratif politik pula:

1. Kepentingan mewujudkan wilayah kerajaan Islam di Asia Tenggara untuk menjalankan undang-undang Islam.
2. Kerajaan Islam ini akan menjaga kebajikan rakyat.
3. Daesh (salafi jihad) mengalakkan pejuang asing datang dan berjanji akan menjaga kebajikan mereka.

### **3. Mengenalpasti Butiran Kelemahan Ajaran Ekstrem**

Terpenting sekali, pihak pengendali program perlu mengenalpasti kelemahan ideologi ekstrem untuk dijadikan bahan *counter-terrorism*. Antara kelemahan ini:

1. Kegagalan Daesh menjamin kebajikanorang berhijrah ke tempat mereka.
2. Tuntutan khalifah yang tidak sah.
3. Hujah Jihad mereka dipatahkan oleh sarjana Islam lain.

### **4. Program Membabitkan Ahli Keluarga Ekstremis**

Untuk menjamin keberkesanan proses pemulihan, ia perlu turut membabitkan ahli keluarga ekstremis. Mereka akan dipanggil untuk menghadiri proses kaunseling dan selama berada dalam tahanan ahli keluarga ekstremis akan dijaga kebajikan mereka. Hal ini dilakukan kerana pengaruh keluarga sangat besar yang bakal mempengaruhi pegangan ideologi ekstremis.

### **5. Program Di Peringkat Pembebasan**

Sebelum ekstremis boleh dibebaskan, mereka akan melalui proses tapisan yang ketat bagi memastikan mereka benar-benar pulih atau sebaliknya. Lebih penting lagi, selepas dibebaskan mereka akan terus dipantau.

## **Apa Dan Kenapa Ideologi Ekstremism Islam Timbul : Analisis Kritikal**

Bagi pengkaji terorisme Barat, amat sulit bagi mereka memahami ideologi ekstremisme Islam. Ini kerana mereka berpegang dengan fahaman sekularisme, iaitu falsafah logico-positivisme, yang menolak faktor agama mempengaruhi faktor dalaman dan menganggap manusia sebagai makhluk fizikal semata-mata.<sup>12</sup> Mereka akan gagal memahami tentang peranan akidah dan ideologi mempengaruhi watak dan pemikiran seseorang ekstremis. Hasilnya kajian mereka hanya mengupas fenomena ekstremisme ini dari sudut sosiologi semata-mata.

Biasanya, pengkaji Barat ini akan hanya mengaitkan fenomena ekstremisme ini; *pertama*, melihat faktor ideologi ekstrem dengan kaitan dengan soal hubungan masyarakat. *Kedua*, faktor ideologi ekstrem timbul kerana faktor kekecewaan mangsa yang ditindas seperti mana kes rakyat Palestin. *Ketiga*, faktor ideologi dengan pemahaman ayat-ayat Quran dan

---

<sup>12</sup> Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), "Epistemology Colonial : Satu Analisis Ciri Dan Kesannya", Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, DBP : Kuala Lumpur, h. 91-92.

hadis. Hal ini menyebabkan kebanyakan kajian tentang terorisme dilakukan secara permukaan (*surface*) semata-mata. Tetapi rata-ratanya mereka menunjukkan ideologi Salafi Jihad ini telah menjadikan ekstremis seperti orang gila yang dirasuk hingga menjadi fanatik yang melampau.<sup>13</sup>

### 1. Dimensi Dalaman (*World-View*) Yang Mempengaruhi Pemikiran Seseorang

Memang diakui bahawa golongan ekstremis ini agak sukar untuk dipulihkan. Sebab utamanya, kerana ia membabitkan dimensi *world-view* yang dipegang oleh ekstremis. Di sini letaknya sifat *advance* pendekatan Islam yang mengakui keperluan manusia ini bukan setakat keperluan kebendaan dan fizikal semata-mata,<sup>14</sup> tetapi membabitkan memerlukan sentuhan kerohanian yang membabitkan elemen *world-view* dan pemikiran.<sup>15</sup> Bahkan faktor *world-view* ini yang bakal menjadi pemangkin atau penapis sebarang tindakan dilakukan manusia.

Untuk memudahkan pemahaman, kita perlu memahami konsep *world-view* ini dan kemudiannya melihat perbezaan antara *world-view* Islam dengan fahaman sekular Barat. *World-view* biasanya dipakai untuk menggambarkan dan membezakan hakikat sesuatu agama, tamadun dan kepercayaan. Menurut Ninian Smart, *worldview* adalah kepercayaan, perasaan dan apa-apa yang terdapat dalam pemikiran seseorang yang berfungsi sebagai pendorong kepada sesuatu pemikiran dan tindakan manusia.<sup>16</sup>

Pada dasarnya, *World-view* berasaskan kepada; *Pertama*, realiti dan kebenaran diperolehi melalui kajian metafizik terhadap dunia yang nampak (*visible world*) dan yang tidak nampak (*invisible world*). *Kedua*, berteraskan metode berpikir yang *tawhîdî* (*integral*). *Ketiga*, pandangan hidup Islam bersumber pada wahyu yang diperkuat oleh agama (*dîn*) dan didukung oleh prinsip akal dan intuisi. *Keempat*, elemen-elemen pandangan hidup Islam terdiri utamanya dari konsep Tuhan dan diikuti oleh elemen lain yang berpusat pada konsep Tuhan tersebut.<sup>17</sup>

Pandangan ini bertepatan dengan dapatan kajian Kumar Ramakrishna, seseorang ekstremis itu biasanya manusia yang bermasalah dari segi kekosongan spiritual dan pegangan agama;

1. mereka dahagakan sentuhan spiritual.
2. terlalu percayakan seorang tokoh ekstremis yang dijadikan rujukannya.
3. komited dengan agama tetapi amat sedikit pengetahuan agamanya. Mereka akan didedahkan dengan realiti umat Islam ditindas dan dizalimi oleh kuasa besar. Dalam hal ini, kes penderitaan umat Islam di Afghanistan, Palestin, Iraq, Kashmir akan diberikan.
4. terdesak dari segi kewangan.

Golongan yang ada keempat ciri ini yang selalu dicari oleh tokoh ekstremis. Kumpulan ekstrem akan mendekati golongan ini dengan memberi semua keperluannya. Mereka dibawa sertai program usrah secara rahsia. Apabila mangsa ini mula memprotes dan enggan memberikan kerjasama, mereka akan diberi ugutan bahawa pihak polis telah mengetahui dan mengintip gerak geri mereka. Hal ini menyebabkan mangsa terbabit menjadi takut dan semakin merapatkan diri dengan ahli ekstremis.<sup>18</sup>

<sup>13</sup> Kruglanski, A. W. (2004). *The Psychology Of Closed Mindedness*. New York: Psychology Press.

<sup>14</sup> Abdul Rahman Abdullah (2001) *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur : Utusan publication, h. 134-140.

<sup>15</sup> S. Hossein Nasr (1990), *Traditional Islam In The Modern World*, London : Kegan Paul International, h. 13

<sup>16</sup> Ninian Smart, *Worldview, Crosscultural Explorations of Human Belief*, New York: Charles Scribner's sons, n.d., h. 1-2.

<sup>17</sup> Syed Naquib al-Attas (1996)., "Opening Address, The Worldview Of Islam, An Outline" dalam Sharifah Shifa al-Attas, *Islam And The Challenge Of Modernity, Historical And Contemporary Contexts*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 28-29.

<sup>18</sup> Kumar Ramakrishna (2009), *Governmental Responses To Extremism In Southeast Asia : Hard Versus Soft Approaches*, Dalam (edit Arnould De Borchgrave) *Conflict, Community And Criminality In Southeast Asia And Australia : Assesments From The Field, A Report Of CSIS Transnational Threats Project*, Singapore, h..31-36

## 2. Faktor Kejahilan Dan Epistemologi Ilmu Yang Salah

Dalam mengkaji sebab utama ideologi ekstrem ini timbul, kita boleh mengemukakan menawarkan teori kitaran kejahilan sebagai asas kepada tindakan keganasan. Pendekatan dan teori ini diilhamkan daripada pandangan Syed Naquid dan Syed Husin Al-Atas yang dipakai dalam dunia ilmu.

Bagi penganut Islam, segala perkara dalam kehidupan manusia perlu dinilai dengan cara holistik dan bersepadu serta memahami falsafah syariah Islam ditaklifkan. Ia bukannya statik, literal, formalistik dan menghukum. Ia mesti bertepatan prinsip asas Islam - yang menekankan prinsip Tauhid, Rasionalistik, *Societal* (mementingkan kepedulian masyarakat) dan *World Affirmative* (dunia sebagai tempat berguna).

Manakala untuk teori kitaran kejahilan, ia menegaskan beberapa perkara;

1. Golongan yang terlibat dalam keganasan samada di peringkat kognitif, afektif dan psikomotor terdiri daripada golongan yang lemah akal dan jahil.
2. Kejahilan kepada epistemologi agama yang betul akan menyebabkan seseorang itu dijangkiti penyakit bebal. Penyakit bebal ini adalah sifat rohani yang lemah dan degil, enggan berubah walaupun diberikan maklumat yang betul. Mengikut penegasan Quran penyakit bebal ini adalah merupakan hukuman Allah kepada insan yang malas belajar.
3. Penyakit bebal apabila dicampuri dengan dendam dan kebencian melampau akan menyebabkan seseorang itu membenci habis-habisan sehingga melahirkan aksi keganasan yang besar impaknya pada umat Islam.

## 3. Ideologi Khawarij Sebagai Punca Utama Fahaman Salafi Jihad

Hasil kajian Muhammad Haniff Hassan mendapati ideologi Salafi Jihad ini mengandungi beberapa perkara utama;<sup>19</sup>

1. Islam dan bukan Islam memang berbeza. Kita perlu melihat semua perkara secara legal formalistik. Dalam dunia ini hanya ada dua jenis sahaja, orang Islam atau kafir dan munafik. Semua kerosakan atas dunia kerana konspirasi kuasa besar, Zionis dan Kristian. Atas sebab itu mereka harus diperangi.
2. Wujudnya permusuhan abadi orang bukan Islam pada Islam seperti ayat Quran yang menyebut orang Yahudi dan Nasrani sampai kiamat tidak akan redha dengan Islam.
3. Konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'*. Orang Islam tidak boleh bersekutu dengan bukan Islam dalam segenap perkara. Tinggal di negara bukan Islam juga tidak digalakkan. Kita dibenarkan melawat negara kafir hanya dengan syarat mahu berdakwah sahaja. Namun begitu, kita dibolehkan belajar sains dan teknologi orang Barat dengan syarat dan niat ia akan dipergunakan untuk mengalahkan mereka. Orang kafir wajib membayar Jizyah kepada orang Islam. Tidak dibolehkan sama sekali menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan kafir.
4. Keperluan pada kuasa untuk menjalankan undang-undang Islam. Wajib bagi semua orang Islam menyokong golongan Salafi Jihad mendapatkan kuasa.
5. Konsep Jihad bersenjata adalah satu-satunya jalan untuk mewujudkan negara Islam. Ia adalah Fardu Ain.
6. Perang terhadap orang kafir termasuk mencederakan orang awam dibenarkan kerana:
  - a. Kuasa kafir pun melakukan hal sama pada orang awam Islam. Jadi dibolehkan membuat benda yang sama demi membalas dendam bagi pihak orang awam Islam.

---

<sup>19</sup> Muhammad Haniff Hassan (2009), Jemaah Islamiyyahhadi Ideology : An Overview, Dalam (edit Arnauld De Borchgrave) *Conflict, Community And Criminality In Southeast Asia And Australia : Assesments From The Field, A Report Of CSIS Transnational Threats Project*, Singapore, h. 76-83.

- b. Orang awam kafir memang mengundi untuk memilih ketua mereka dan mereka membayar cukai untuk menyokong kerajaan mereka.
  - c. Dibolehkan membunuh orang awam kafir demi untuk capai matlamat Jihadyang lebih tinggi (meninggikan kalimah Allah).
7. Operasi bom bunuh diri dibenarkan yang dianggap operasi syahid.

### Titik Persamaan Ideologi Khawarij Dengan Salafi Jihad

Berdasarkan dapatan kajian di atas, kita boleh menegaskan bahawa ideologi Salafi Jihad ini adalah penjelmaan semula ideologi Khawarij dalam bentuk baru. Terdapat kajian yang mengaitkan ideologi Salafi Jihad dengan golongan Khawarij. Ia membandingkan ideologi yang dipegang oleh keduanya.<sup>20</sup> Hasil perbandingan ini mendapati beberapa perkara;

*Pertama*, keduanya memang terdiri daripada golongan muda yang cetek akal. Walaupun keduanya berbeza zaman tetapi mereka berkongsi falsafah yang sama. Fakta sunnatullah sejarah menyaksikan tabiat manusia pasti bergerak daripada titik yang sama dan ia akan berulang kerana faktor kejahilan, budaya dan persekitaran.

*Kedua*, keduanya menolak elemen kontekstual dalam perjuangan Islam. Khawarij menyamakan gaya pemerintahan Ali dengan Muawiyah. Salafi Jihad juga menegaskan semua kerajaan umat Islam semasa sebagai sesat (*Toghut*) dan mengikut dasar Barat. Sistem kerajaan Malaysia secara mutlaknya disamakan dengan kerajaan bukan Islam. Mereka enggan menerima hakikat bahawa hal ini berlaku kerana faktor sejarah kita pernah dijajah dan terpaksa mewarisi sistem pemerintahan Westminster British.<sup>21</sup> Sedangkan, selepas merdeka memang dilakukan usaha penambahbaikan ke atas sistem warisan British ini.

Di Malaysia, walaupun secara relatifnya keadaan masyarakat yang aman tetapi golongan KMM (Kumpulan Militan Malaysia) telah memilih gerakan yang menjurus kepada keganasan. Secara jelasnya mereka sangat mengutamakan aksi keganasan. Beberapa contoh tindakan KMM ini;<sup>22</sup>

1. KMM ditubuhkan bagi menumbangkan kerajaan menggunakan kaedah revolusi. Mereka berselindung secara rahsia dalam parti PAS yang dianggap satu-satunya platform perjuangan Islam sejati. Hal ini tetap diteruskan secara bersembunyi kerana mereka memaklumi PAS tidak akan bersetuju dengan pendekatan revolusi ini.
2. Mereka menyeludup dan menyimpan senjata dalam kapasiti yang banyak untuk digunakan apabila perlu.
3. Mereka melakukan aksi keganasan dengan mengebom kuil Hindu, menyerang balai polis, merompak Southern Bank, melakukan pembunuhan Joe Fernades (kononnya bertanggungjawab memurtadkan ramai gadis Melayu), mengancam untuk membunuh wanita Melayu yang murtad dan cubaan menyerang tentera Navy Amerika yang mendarat di Malaysia.
4. Mereka terlibat dalam usaha indoktrinasi ahli daripada masyarakat awam dan pelajar IPT.

<sup>20</sup> Joas Wagemakers (2014), 'Seceders' And 'Postponers'? An Analysis Of The 'Khawarij' And 'MurJemaah Islamiyyah'a' Labels in Polemical Debates Between Quietist And Jemaah Islamiyyahhadi-Salafis, dalam Jeevan Doel & Zahir Kazmi (Eds), *Contextualising Jemaah Islamiyyahhadi Thought*, London : Hurst & Co, h. 145-164.

<sup>21</sup> Mohd. Noor Mat Yazid (2014), Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science* , December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, h. 69-84.

<sup>22</sup> Maklumat ini boleh didapati secara lengkap dalam Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, Tesis Ph.D Untuk Victoria University Of Wellington, h. 132-148.



#### 4. Kaedah Melampau Dan Konsep Jihad Yang Bertentangan Dengan Prinsip Islam

Seperti mana golongan Khawarij, Salafi Jihad juga memilih tindakan yang melampau dalam operasi gerakan. Khawarij mengutamakan aksi melampau ini dengan melakukan beberapa siri keganasan yang menumpahkan darah umat Islam. Tindakan ini telah menyebabkan Saidina Ali seorang yang tidak menyukai peperangan sesama Islam memerangi mereka habisan dalam perang Nahrawan. Bahkan di akhir hayatnya, Ali telah berpesan kepada kedua puteranya; *berhati-hati dengan golongan sesat ini, yang akan merosakkan kesucian Islam dan zuriat mereka akan sentiasa ada di tulang sulbi ayah-ayah mereka*. Salafi Jihad turut melakukan hal yang sama. Contohnya, mereka menghalalkan tindakan pengeboman bunuh diri tanpa menghiraukan nasib orang awam yang tidak berdosa.<sup>23</sup>

Salafi Jihad juga dikesan enggan berpegang pada karya fuqaha klasik yang dianggap sebagai hasil warisan pemikiran *taqlid* dan *bid'ah*. Sebaliknya lebih bergantung kepada karya sarjana mereka sendiri yang sangat literal sifatnya. Hidup golongan muda ini disibukkan dengan aktiviti perang hingga gagal mendalami ilmu agama.<sup>24</sup> Buktinya boleh dilihat daripada karya Imam Samudera yang menjustifikasikan tindakan pengeboman Bali dengan hujah yang sangat lemah. Karya ringkasnya bertajuk *Aku Melawan Terorisme* telah dikritik oleh semua gerakan Islam Indonesia.

Imam Samudera, telah menjustifikasikan pengeboman Bali dengan beberapa hujah yang amat cetek. Hal ini boleh dilihat daripada beberapa aspek. Antaranya,

1. Pandangannya terhadap kepada pengaruh idealisme Abdullah Azzam, tokoh rujukan utama yang terlibat melakukan indoktrinasi ideologi Salafi Jihad di Afghanistan.<sup>25</sup> Kelihatannya, tokoh ini berjaya menjadikan Imam Samudera yakin sepenuhnya dengan matlamat perjuangannya. Andainya ia seorang yang teliti dan bertanggungjawab, Imam Samudera sepatutnya melakukan rujukan silang kepada karya sarjana Islam lain untuk mendapat pandangan kedua yang lebih baik. Tetapi sayangnya hal ini tidak dilakukan, seolah-olah tindakan pembunuhan Bali itu perkara biasa, di mana keputusan untuk melakukannya hanya patut dirujuk kepada satu karya ulama sahaja.
2. Ia mendasarkan tindakan Jihad pengeboman Bali kepada beberapa ayat Quran terpilih yang sesuai dengan kehendaknya. Dalam soal ini, ia melakukan justifikasi yang bersifat simplistik dengan menundukkan Quran agar sesuai dengan kehendak asalnya. Tindakan ini dapat dikategorikan sebagai penyakit kekeliruan ilmu yang secara langsung menjejaskan pemahaman mereka terhadap hakikat maqasid yang sebenar.<sup>26</sup>

Dalam bukunya, Imam Samudera menjelaskan bahawa pengeboman Bali merupakan tindakan balas dendam kepada kuasa Barat yang telah menyerang kaum muslimin yang tidak berdaya.<sup>27</sup> Sebagai hujahnya, ia telah memberikan ayat Quran : *“Dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangikamu, (wahai orang-orang yang bertakwa), semuanya dan ketahuilah bahwasannya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.”*(Q.S. 9:36). Ia mengakui, walaupun pada dasarnya membunuh atau menyerang orang awam adalah haram, tetapi karena Amerika dan sekutunya juga telah melampaui batas dengan membunuh kaum muslim, maka menyerang dan membunuh mereka merupakan

<sup>23</sup> Craig Anthony Green (2009), *The Khawarij And The Creed Of Takfeer : Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement*, Tesis Sarjana Untuk University Of South Africa.

<sup>24</sup> Bruce Andrews Eggers (2011), *Addressing The Cause : An Analysis Of Suicide Terrorism*, Tesis Sarjana Untuk Colorado State University.

<sup>25</sup> John Calvert (2007), The Striving Shaykh Abdullah Azzam And The Revival Of Jemaah Islamiyyahhad, *Journal Of Religion And Society*, Supplement Series 2, H. 1-22.

<sup>26</sup> Amir Muallim, (2004) *Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta : Uii Press, H. 54-56

<sup>27</sup> Abdul Azis Alias Imam Samudra Alias Qudama (2004), *Aku Melawanteroris*, Editor Bambang Sukirno, Solo: Jazeera.

tindakan adil. Dia memetik Ayat Al-Qur'an menegaskan: "*Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahwa Allah beserta orang-orang yang bertakwa. Dan Jemaah Islamiyyahka kamu memberikan balasan, Maka balaslah dengan Balasan yang sama dengan siksaan yang ditimpakan kepadamu. Akan tetapi Jemaah Islamiyyahka kamu bersabar, sesungguhnya Itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang sabar.*"(Q.s. 16:126).

Imam Samudera mendakwa operasi Bom Bali dilakukan bersesuaian dengan tahap-tahap Jihad, seperti mana terdapat dalam buku *Tarbiyah Jihadiyah* karya Abdullah Azzam dan *Tafsir Ibn Katsir*. Tahap Jihad Pertama adalah tahap menahan diri – seperti mana dilakukan oleh Rasulullah di Mekah. Tahap Jihad Kedua adalah diizinkan berperang, apabila penyiksaan dan kekejaman semakin bertambah sebagaimana firman Allah "*Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena Sesungguhnya mereka telah dianiaya. dan Sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu, (yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali karena mereka berkata: "Tuhan Kami hanyalah Allah". dan Sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebagian manusia dengan sebagian yang lain, tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha kuat lagi Maha perkasa*"(Q.s. 22:39-40). Hal ini diikuti dengan Tahap ketiga bila mana dibenarkan melawan orang kafir dengan perang yang terbatas (Q.s. 2:190;2:216).

Akhirnya, dalam Tahap keempat telah difardukan memerangi seluruh kaum kafir dan musyrik, "*...maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di manapun kamu jumpai mereka...*" (Q.s. 9:5). "*Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa*" (Q.s.9:36). Imam Samudra menegaskan Bom Bali merupakan tahap Jihad keempat yang mengandungi perintah Jihad secara ofensif. Jihad itu harus dilakukan oleh kaum muslimin ke atas semua masyarakat Barat sampai tidak ada lagi kemungkaran di muka bumi dan sampai agama Allah unggul di atas agama lain (Q.s. 9:33; 61:9).

Merujuk kepada tindakan bom bunuh diri, Imam Samudera memberikan justifikasi dengan beberapa hadis dan ayat Al-Qur'an. Ia merujuk pada kitab karya Ibn Nuhas yang memuat 16 hadis tentang tindakan beberapa orang yang menyerang musuh tanpa menghiraukan keselamatan dirinya. Tindakan ini sesuai dengan ayat Al-Qur'an yang pernah dibacakan Abu Hurairah di hadapan orang ramai, "*(Tetapi) ada juga di antara manusia yang mengorbankan dirinya untuk mencari keredhaan Allah...*"(Q.s. 2:207). Karena itu, menurutnya operasi bunuh diri, *istimata* atau *istisyhad* adalah sah. Bahkan apabila merujuk pada Ibn Nuhas, tindakan ini menurut Imam Samudera sangat digalakkan.

Pandangan Imam Samudera yang mewakili ideologi Salafi Jihad telah mendapat tentangan daripada ramai ulama Islam Indonesia. Alasan mereka dapat dirumuskan kepada;

1. Tipologi *dar al-Harb* dan *Dar al-Islam* sudah tidak boleh dipakai lagi untuk konteks zaman moden, memandangkan telah berlaku perubahan besar hubungan antara manusia sedunia. Menurut Tariq Ramadan dalam bukunya *To Be a European Muslim*, tipologi ini tidak ditemukan nasnya dalam Al-Qur'an dan Sunnah. Konsep ini didapati bertentangan dengan prinsip Islam sebagai Rahmah untuk sekalian alam. Lebih khusus lagi, Tariq Ramadan menegaskan bahawa konsep ini sepatutnya perlu berubah kerana semua peta geografi dunia

telah menjadi seumpama perkampungan kecil (global) dengan perubahan yang semakin kompleks.<sup>28</sup>

2. Menurut Muhammad Haniff bin Hassan, ayat-ayat al-Qur'an yang dipakai oleh Imam Samudra tidak sesuai dengan konteks asbab nuzulnya dan bertentangan dengan fakta sejarah terkemudian. Imam Qurthubi dan At-Tabari menunjukkan pandangan Mujahid bahawa (Musuhmu) tidak akan berhenti memerangi kamu (2:217) diwahyukan karena kekejaman suku Quraisy Mekah terhadap Muslim. Ianya tidak bersifat kekal hingga kiamat, kerana terbukti kaum Quraisy di zaman kemudiannya telah memeluk Islam. Lagipun, kuasa mengisytiharkan perang perlu dilakukan oleh khalifah dan bukannya individu tertentu sahaja.
3. Ia juga wajib tertakluk kepada peraturan yang agak ketat dan tidak melakukan keganasan yang melampaui batas.
4. Dasar hubungan Muslim dan non-Muslim dalam Islam adalah berasaskan prinsip kedamaian dan keharmonian, bukannya melalui Jihad fizikal semata-mata.

### **Kesimpulan**

Sebagai rumusan akhirnya, ternyata gerakan keganasan Islam yang dilakukan oleh Jemaah Islamiyyah telah mencalarkan citra Islam kepada masyarakat dunia. Ia juga menyebabkan pihak Barat bertindak balas ke atas umat Islam tanpa mengira sesiapa sahaja. Ini menuntut kerajaan di seluruh dunia menyediakan program pemulihan ekstremism tersendiri. Kajian ini menjelaskan bahawa program pemulihan ekstremism terbaik disediakan oleh kerajaan Arab Saudi, Singapura dan Malaysia. Ini kerana ia menggabungkan pendekatan *hard* dan *soft* sekaligus. Namun begitu, sarjana Islam perlu berfikir untuk mengisi program pemulihan dengan falsafah dan prinsip Islam sejati. Hanya dengan cara ini sahaja program pemulihan akan berjaya.

---

<sup>28</sup> Yoyo Hambali (2010) Hukum Bom Bunuh Diri Menurut Islam Radikal Dan Islam Moderat, *Maslahah*, Vol.1, No. 1, H. 40-62.